

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 SEPTEMBER 2016 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	New era needs 'STEM' brains	New Straits Times
2.	Build sustainable peace by providing opportunities to people, says MB	New Straits Times
3.	Vision for 60% skilled workers by 2020 still dim	The Star
4.	Drop in STEM talents raises government concern	The Sun
5.	Kaedah IBSE pikat pelajar minat STEM	Berita Harian
6.	Penjelajahan Angkasa Space Pod	Kosmo
7.	Angkasa sasar tarik 180,000 pengunjung setahun	Kosmo
8.	Mohd Azanuddin Pengarah Urusan SIRIM QAS International	Utusan Malaysia
9.	Ubat tiruan RM3.51j dirampas	Utusan Malaysia
10.	244 laman web ubat ragu disiasat	Harian Metro
11.	Tak sesuai kerja 6 jam	Utusan Malaysia

New era needs 'STEM' brains

SHORTFALL: Science, technology, engineering, mathematics talent needed to prosper, says minister

HANA NAZ HARUN

IPOH

news@nst.com.my

MALAYSIA'S talents in Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) are declining and far behind the Vision 2020 target of 60 per cent skilled workers in the country, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said, as of last year, Malaysia had only 28 per cent skilled workers but a 10 per cent brain drain.

"Developed countries which implemented Science, Technology and Innovation (STI) are reaping the fruits of STI now while we are struggling to meet the set target.

"We need to ensure that we develop the much-needed STEM talent today for the future," he said during the keynote address at the Pangkor International Development Dialogue (Pangkor Dialogue) 2016 here, yesterday.

He said STEM-related careers yielded a 12 per cent increase in the monthly household income of RM6,141 in 2014 compared with RM4,025 in 2009.

Tangau said the country was caught "playing catch-up" where students were being taught skills for current needs, but not those that would meet future market needs.

There is a need to realise that the concept of traditional education was becoming irrelevant as technologies evolved at a rapid pace.

"We must have the foresight to develop our talents effectively to ensure future competitiveness. Lifelong learning is now a necessity rather than a choice, and employees will need constant upskilling, reskilling and specialisation."

Tangau said that to prosper in the new era, having the right number of STEM talent was

not enough. He told the delegates that they must inspire the youth to become problem-solvers instead of followers, and nurture them on the path to becoming job creators and not just job seekers. This was critical for them to lead the revolution in the country as it had to anchor on STEM.

"The inaugural National Science Council meeting, chaired by Prime Minister (Datuk Seri Najib Razak), has entrusted my ministry to work with the Higher Education Ministry and the Education Ministry to develop a National STEM Action Plan. Together, we must develop our talents by design, and not by chance. To ensure we do not get lost in the trail of followers, the right quality and quantity of talent must be engaged, developed and deployed effectively."

Tangau later said policy implementors must look at figures at all levels to achieve the 60 per cent target in less than four years.

"The National STEM Action Plan is not done yet. We have to monitor what it is that prevents students from taking to STEM. Having enough STEM talent is important and the situation now is critical because STEM talents are become fewer. This is worrying."

To boost the STEM talent pool, he said, it should be made more attractive by adopting the Inquiry-Based Science Education approach in the teaching and learning of Science.

"I have seen how it is done in Japan, South Korea and the United States. We have to be strategic in what we do and which sectors to focus on. We have to prepare now and see how we can implement (the plan). We hope to complete it soon."

He said the Pangkor Dialogue was a great platform for thinkers to come together and share ideas on creativity and innovation.



**PANGKOR
DIALOGUE**
5-7, SEPTEMBER 2016
IPOH, PERAK

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 07 SEPTEMBER 2016 (RABU)

Build sustainable peace by providing opportunities to people, says MB

IPOH: The only way to build sustainable peace is to provide opportunities to the people, said Perak Menteri Besar Datuk Seri

Dr Zambry Abd Kadir.

He said that was the reason and aim of the three-day Pangkor International Development Dialogue (Pangkor Dialogue) here.

"We traversed the world over the last two days.

"When I first mooted the Pangkor Dialogue four years ago, there were doubts and scepticism.

"The idea of an international conference being held by a state government was unheard of and had never been done before.

"But in the true fighting spirit that the Perakians have, we persevered and challenged ourselves to create the unthinkable and the inconceivable.

"The only way to build sustainable peace is through providing opportunities for the people. A fighting chance, an opening," he

said when closing the programme here yesterday.

Zambry said keynote speakers had pointed out ideas he hoped the delegates could apply in their respective countries.

He said progress should be pursued on multiple fronts and the state capital of Perak had adopted social business that would be marketed as its brand.

"(Nobel Laureate) Professor Muhammad Yunus of Bangladesh believes that at the micro-level, social business will affect change, even if one inspires two individuals at a time to be economically productive.

"Going forward, Muhammad foresees people in the years 2030 to 2040 being baffled by the term 'unemployment'," Zambry said.

In his quest to end over reliance on jobs, he said Muhammad believed that business

was the overwhelming occupation, since a salaried job was not the sort that would enhance one's dignity.

"That is an exciting point of view and this has been seconded by Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau," he said.

Zambry said the delegates should support Muhammad, while advocating and pursuing varied wealth creation models to narrow inequality.

"May our discussions, opinions and our intentions continue to be progressive for many years to come.

"May we witness the fruits of our ideas throughout this conference become sustainable resilient reality," said Zambry, who also thanked the participants for sharing their ideas throughout the programme.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 07 SEPTEMBER 2016 (RABU)

Vision for 60% skilled workers by 2020 still dim

IPOH: Malaysia is still far from achieving Vision 2020's target of having enough science, technology, engineering and mathematics (STEM) high skilled workers in the country.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said the target was for 60% of the country's workforce to comprise of highly skilled workers by 2020.

As of last year the figure was only 28%.

Madius, who announced the numbers in his keynote speech at the Pangkor Dialogue at Casuarina Meru, expressed his concern over the matter but was hopeful that the target of 60% could be achieved by 2020.

At a media conference later, Madius said a report by the Academy of Sciences Malaysia revealed that only 21% of students were eligible to take up STEM related courses.

"We need to make science an interesting and creative subject. Some countries have implemented inquiry-based learning and it improved students' capabilities when it comes to STEM related subjects," he said.

Inquiry-based learning involves posing questions, problems or scenarios rather than simply presenting established facts.

Madius said inquiry-based learning had been tested successfully in several schools in Kuala Lumpur, and the Government was looking at

the possibility of implementing it nationwide.

He said the National Science Council chaired by the Prime Minister had also entrusted his ministry to work with the Higher Education ministry and Education ministry to develop a STEM action plan.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Abdul Rahman Dahlan expressed confidence that the 11th Malaysia Plan will lift the country towards becoming a high-income economy.

Addressing the Pangkor International Development Dialogue gala night on Monday, Abdul Rahman said the Government will ensure that the country's economy

expands at an average of 5% a year and that the fiscal deficit is cut from 3.2% in 2015 to less than 1% in 2020.

"We aspire to strengthen our labour productivity from RM77,100 in 2015 to RM92,300 in 2020.

"Increased productivity must be rewarded appropriately, so we aim to raise the share of employees' compensation to Gross Domestic Product (GDP) from 34.9% in 2015 to at least 40% in 2020," he added.

At the dinner, Bangladesh's Nobel Peace Prize winner Prof Muhammad Yunus and Permodalan Nasional Bhd chief executive officer Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman were awarded the Pangkor Dialogue 2016 Lifetime Achievement Awards for their contributions to society.

Drop in STEM talents raises government concern

BY P. CHANDRA SAGARAN
newsdesk@thesundaily.com

IPOH: The government is concerned over the drop in the quantity of Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) talents as this will lead to the nation not achieving the 60% target of high skilled workers by 2020.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said as of last year the nation has only achieved 28% of the target.

"What more with the 10% brain drain of graduates who migrate," he said in his keynote address at the fourth Pangkor International Development Dialogue yesterday.

Madius said although students are being taught skills while pursuing their higher education for current market needs, it may not be relevant when they enter the job market as it could change.

When asked on plans to address the drop in students taking up courses related to

STEM, he said they plan to use the education system to achieve the target of skilled workers by 2020.

He added there is a need to change the mind-set from job seekers to job creators.

He said they plan to make science an interesting and creative subject for the students.

Some countries have implemented inquiry-based learning which starts by posing questions, problems or scenarios rather than simply presenting established facts or portraying a smooth path to knowledge.

According to Madius, the government has started implementing this in some schools in Kuala Lumpur with success.

"I've discussed with Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid on how it could be implemented nationwide.

"The inaugural National Science Council meeting chaired by the prime minister had tasked my ministry to work with the Higher Education and Education ministries to develop a STEM action plan," he said.

Kaedah IBSE pikat pelajar minat STEM

Kaedah pembelajaran Inquiry Based Science Education (IBSE) dikenal pasti antara sistem pembelajaran terbaik yang boleh diguna pakai di negara ini untuk menarik minat pelajar sekolah terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata setakat ini IBSE yang dilaksanakan di beberapa sekolah berprestasi rendah di ibu

negara sebagai projek percubaan berjaya apabila pelajar mencatat prestasi memberangsangkan dalam mata pelajaran sains sehingga mengatasi pencapaian sekolah berprestasi tinggi.

Berjaya rangsang pelajar

Beliau berkata, kaedah pembelajaran berasal dari Perancis itu berjaya merangsang pelajar sekolah meminati sains sebagai mata pelajaran menarik dan menyeronokkan.


Katanya, pihaknya sudah mengemukakan IBSE kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid termasuk menghadiri sesi pembelajarannya di sekolah terbabit.

"Kita berharap kaedah pembelajaran ini dapat dipraktikkan pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah serta menjadi sebahagian Pelan Tindakan STEM yang akan dilaksanakan," katanya pada sidang media selepas menyam-

paikan ucap tama pada hari kedua Dialog Pangkor 2016 (PD2016) di sini, semalam.

Beliau berkata, usaha menarik minat pelajar terhadap STEM juga memerlukan komitmen ibu bapa dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan STEM dalam memacu perubahan zaman.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 7 SEPTEMBER 2016 (RABU)



SAMBUNGAN...
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 7 SEPTEMBER 2016 (RABU)

SPACE POD
antara tarikan
baharu
di Planetarium
Negara.



NURUL AIN



SHARIFAH AISHAH



ROZANI EZRINA

PENGUNJUNG ini mengambil peluang menyentuh batu meteor sebenar yang jatuh ke Bumi pada 4,000 hingga 5,000 tahun lalu.



Selepas ditutup sejak Januari lalu, Planetarium Negara kembali dibuka kepada pengunjung dengan bahan pameran baharu yang membolehkan pengunjung merasai sendiri pengalaman penerokaan angkasa lepas.

Saksi sistem suria dalam paparan 3D

BILIK khas antigraviti menjadi tumpuan pengunjung terutama kanak-kanak.


SEORANG kanak-kanak kelihatan tertarik dengan sut angkasan yang dipamerkan.

TATKALA memasuki ruang kecil yang menempatkan dua buah kerusi, perasaan Nurul Ain Szali, 15, mula berdebar-debar memikirkan apa yang bakal ditempuhi dalam tempoh kira-kira lima minit yang mendatang.

Tambahan pula, sebelum dia dan ibunya, Sharifah Aishah Wan Mustafa, 50, diberi peluang menaiki Space Pod yang menyerupai bentuk kokpit sebuah helikopter itu, dia sudah menyaksikan sendiri bagaimana alat tersebut berputing 360 darjah ke atas dan ke bawah, ke kiri dan ke kanan dengan pantas.

Namun, selepas lima minit berlalu, Nurul Ain dibawa keluar dari Space Pod dalam keadaan riang tanpa ada sedikit pun tanda-tanda cemas atau takut pada wajahnya.

"Memang seronok. Walaupun ia berputing ke atas dan ke bawah, namun ia tidak sedikit pun membuatkan saya berasa takut."



SEBUAH keluarga melihat secara dekat salah satu daripada enjin roket Viking 5C yang pernah digunakan pada roket Ariane 4.

"Malah, apa yang dipaparkan sangat menarik dan telah memberikan satu pengalaman baharu kepada saya dalam meneroka angkasa lepas," jelas remaja itu.

Tambah pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Shah Alam, Selangor itu, imej video yang dipaparkan dalam bentuk tiga dimensi (3D), benar-benar membantunya untuk memahami sistem suria di angkasa lepas termasuk planet-planet di sekelilingnya.

"Saya pasti akan menceritakan mengenai Space Pod ini kepada rakan-rakan di sekolah agar mereka turut datang ke sini untuk merasai sendiri pengalaman menaikinya," katanya yang bercita-cita untuk menjadi ahli astronomi suatu hari nanti.

Menurut Sharifah Aishah, anaknya itu

memang meminati bidang sains angkasa lepas dan kerap membaca buku-buku berkaitannya sama ada melalui pinjaman di perpustakaan mahupun yang dibeli di kedai-kedai buku.

Tarik minat

"Apabila berita mengenai kewujudan Space Pod di Planetarium Negara, Kuala Lumpur ini dipaparkan di akhbar baru-baru ini, dia beria-ia mengajak saya ke sini kerana ingin menaikinya."

"Dia benar-benar berminat dengan sains angkasa lepas."

Malah, beberapa ruang pameran baharu yang diwujudkan di sini juga sangat menarik dan mampu menarik minat golongan pelajar termasuk anak saya untuk mendalami ilmu sains," katanya.

Menghurai lanjut mengenai Space Pod, Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Rozani Ezrina

Sarhini berkata, peralatan simulasi itu merupakan sebahagian daripada bahan pameran baharu di Planetarium Negara selepas pusat pembelajaran tersebut siap dinaik taraf dan dibuka semula pada awal Ogos lalu.

Ita dibeli daripada sebuah syarikat pembekal dari Amerika Syarikat menerusi bajet perolehan tahun 2015 dan merupakan satu-satunya di Asia Tenggara.

"Space Pod merupakan alat simulasi menyerupai bentuk sebuah helikopter dengan ruang kokpit yang boleh memuatkan dua orang."

"Di dalamnya terdapat sebuah skrin paparan 3D. Mereka yang menaikinya perlu memakai kaca mata khas bagi membolehkan imej yang dipaparkan kelihatan lebih jelas dan nyata."

"Peralatan ini menyediakan pengalaman seperti menaiki sebuah kapal angkasa untuk meneroka angkasa lepas," katanya dengan memberitahu, pengunjung perlu mematuhi beberapa syarat sebelum dibenarkan menaikinya atas faktor-faktor keselamatan.

Pameran baharu

Jelas beliau lagi, terdapat beberapa kandungan paparan berbeza yang boleh dipancarkan menerusi skrin di dalam Space Pod berkenaan dan akan ditukar secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan.


Selain Space Pod yang diakui menjadi daya tarikan utama Planetarium Negara, terdapat beberapa ruang

SAMBUNGAN...

KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 31

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2016 (RABU)

FOSIL hidupan laut purba antara bahan pameran baharu yang diperkenalkan kepada pengunjung.



pameran baharu lain berkaitan penerokaan angkasa lepas.

Menurut Rozani Ezrina, antaranya adalah model planet terapung yang akan memancarkan rupa sebenar permukaan setiap planet menggunakan projektor khas.

Menerusinya, pengunjung dapat mengenali setiap planet dalam sistem suria dan perbezaan permukaannya dari segi warna, bentuk dan strukturnya.

"Kita juga menyediakan satu sudut khas pameran fosil-fosil yang masih mempunyai objek di dalamnya seperti fosil sotong, cengkerang, daun dan gigi dinasaur.

"Malah, kita juga turut mempamer seketul batu meteor seberat 10 kilogram yang ditemui di wilayah Chaco dan Santiago del Estero, utara Argentina pada tahun 1576.

"Batu meteor tersebut dianggarkan telah jatuh ke bumi antara 4,000 hingga 5,000 tahun yang lalu sebelum ia ditemui," katanya sambil memberitahu, pengunjung turut dibenarkan untuk menyentuh batu

FOSIL gigi dinasaur yang boleh disaksikan di sudut pameran fosil.



meteor tersebut bagi merasai sendiri rupa bentuknya.

Selain itu, jelas beliau, satu lagi pameran baharu yang dijangka mampu menarik minat pengunjung ke Planetarium Negara adalah aurora iaitu fenomena cahaya terang yang dapat dilihat di langit pada waktu malam dan biasanya hanya terdapat di kawasan kutub iaitu di Artik dan Antartika.

Masuk percuma

Namun katanya, dengan teknologi terkini dan bantuan projektor khas, pengunjung dapat melihat sendiri keindahan fenomena tersebut yang dipancarkan ke satu skrin khas dalam bentuk tayangan video.

"Kesemua itu merupakan pembaharuan yang dilakukan oleh pihak Angkasa untuk menarik minat anggota masyarakat terutamanya golongan pelajar untuk mempelajari sains angkasa lepas dengan lebih mendalam.

"Bukan sahaja menyentuh bahan pameran yang disediakan, malah pengunjung boleh merasai sendiri pengalaman meneroka angkasa lepas," katanya.

Tambahnya, walaupun sebahagian besar ruang melibatkan bahan-bahan pameran baharu, namun



PAMERAN planet terapung ini menyediakan banyak maklumat berkaitan planet dalam sistem suria.

ada juga bahan pameran lama yang dikekalkan dan masih mampu menjadi daya tarikan pengunjung.

Antaranya, salah sebuah enjin sebenar roket Viking 5C yang digunakan pada kapal angkasa Ariane 4 dalam misi penerokaan angkasa lepas pada tahun 1973 oleh Amerika Syarikat yang dihadiahkan kepada Angkasa oleh syarikat Ariance Space.

Satu lagi bahan pameran berharga adalah sut angkasawan milik Persekutuan Angkasa Rusia yang pernah dipakai oleh angkasawan negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha ketika misi ke angkasa lepas pada tahun 2007.

Jelas Rozani Ezrina, walaupun Planetarium Negara telah menerima pembaharuan, namun pengunjung boleh masuk secara percuma untuk melihat sendiri bahan-bahan pameran yang disediakan, manakala bayaran hanya dikenakan kepada mereka yang menyaksikan tayangan berkaitan penerokaan angkasa lepas di auditorium.

INFO Planetarium Negara

- Terletak di Jalan Perdana, Kuala Lumpur.
- Dibuka kepada orang ramai sejak tahun 1994.
- Ditadbir oleh Agensi Angkasa Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Dibuka setiap hari bermula 9 pagi hingga 4.30 petang kecuali Isnin.
- Masuk percuma untuk ruangan pameran terbuka.
- Tiket RM6 bagi dewasa (RM12 warga asing) dan RM4 bagi kanak-kanak (RM8 warga asing) untuk tayangan video penerokaan angkasa.

Angkasa sasar tarik 180,000 pengunjung setahun

PEMBAHARUAN yang dilakukan terhadap Planetarium Negara dijangka mampu menarik lebih ramai pengunjung terutama mereka yang ingin mendalami pengetahuan berkaitan penerokaan angkasa lepas.

Malah menurut **Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad**, pameran baharu berkonsep penerokaan angkasa lepas itu juga mampu meningkatkan minat golongan pelajar terhadap STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang sangat berkait rapat dengan sains angkasa lepas.

"Sejak diwujudkan dan dibuka kepada pengunjung pada tahun

1994, Planetarium Negara memikul tanggungjawab yang besar dalam menyediakan maklumat dan pendedahan kepada rakyat negara ini terhadap sains angkasa lepas.

"Sebab itulah setiap lima tahun, Angkasa akan membuat pembaharuan terhadap ruang pameran di Planetarium Negara agar bahan pameran yang dipamerkan selari dengan perubahan zaman dan menepati objektif penubuhannya iaitu untuk mendekatkan sains angkasa kepada anggota

masyarakat," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Jelas Noordin lagi, dengan pembaharuan yang dilakukan terhadap Planetarium Negara itu, pihaknya menjangkakan jumlah pengunjung meningkat kepada 180,000 orang setahun berbanding kira-kira 150,000 orang sebelum ini.

Katanya, Angkasa juga akan bekerjasama dengan agensi

pelancongan seluruh negara untuk mempromosi Planetarium Negara sebagai salah satu lokasi pelancongan yang patut dilawati di



NOORDIN

Kuala Lumpur.

"Walaupun Angkasa telah mengeluarkan peruntukan berjuta ringgit untuk membawa bahan pameran baharu, namun kita masih kekalkan kemasukan percuma untuk ruang pameran terbuka," tambahnya.

Jelas Noordin lagi, sebagai langkah membawa sains angkasa lepas lebih dekat kepada seluruh rakyat negara ini, Angkasa juga turut mewujudkan planetarium mini yang boleh dibawa ke mana-mana lokasi bagi tujuan pameran.

Namun katanya, bahan pameran yang dibekalkan agak terhad berbanding di Planetarium Negara.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 07 SEPTEMBER 2016 (RABU)

Mohd. Azanuddin Pengarah Urusan SIRIM QAS International

KUALA LUMPUR 6 Sept. - **SIRIM Berhad** melantik Naib Presiden Kewangan Kumpulan syarikat itu, Mohd. Azanuddin Salleh (**gambar**) sebagai Pengarah Urusan yang baharu bagi anak syarikat milik penuhnya, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menggantikan Khalidah Mustafa.

Menurut SIRIM, pelantikan tersebut berkuat kuasa pada 1 September lalu.

Jelasnya, sebelum menyertai syarikat tersebut, Mohd. Azanuddin pernah berkhidmat di Tradewinds (M) Berhad, AWC Berhad dan Padi-

beras Nasional Berhad.

Beliau memegang Ijazah (Kepujian) Perakaunan dan Kawalan Pengurusan dari Sheffield Hallam University, United Kingdom (UK) dan merupakan ahli bersekutu Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), UK.



“Pelantikan Mohd. Azanuddin akan terus mengukuhkan kedudukan SIRIM QAS International sebagai peneraju pasaran dalam pensijilan, pemeriksaan dan perkhidmatan ujian di Malaysia dan di luar negara,” jelasnya dalam kenyataan itu.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 07
TARIKH: 07 SEPTEMBER 2016 (RABU)

Ubat tiruan RM3.51j dirampas

PUTRAJAYA 6 Sept. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan **Cybersecurity Malaysia (CSM)** merampas sebanyak 28,177 bungkusan ubat tiruan dan produk farmaseutikal tidak sah di seluruh negara, baru-baru ini dengan rampasan keseluruhan bernilai RM3.51 juta.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dalam operasi yang dijalankan dari 30 Mei hingga 7 Jun lalu itu, sebanyak 266 premis perniagaan diperiksa dengan rampasan barangan bernilai RM1.37 juta.

Katanya, dalam operasi itu juga, sebanyak 707 bungkusan pos dan kurier bernilai RM1.31 juta dirampas kerana mengandungi ubat tiruan dan produk tidak sah.

"Serbuan juga dijalankan ke atas 93 premis yang kebanyakannya menjual produk farma-

seutikal secara atas talian dan hasil serbuan itu sebanyak 1,228 produk dengan nilai anggaran RM2.14 juta dirampas kerana menyalahi peruntukan undang-undang.

"Antara produk utama yang dikesan dan dirampas ialah produk perangsang seks, pelangsing badan, ubat-ubat pengguguran, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun yang kebanyakannya tidak berdaftar dengan kementerian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, turut dirampas dalam operasi itu ialah 29 peralatan digital seperti komputer, tablet dan telefon bimbit bernilai RM37,320 yang digunakan untuk memasarkan produk.

Sepanjang operasi itu sebanyak 244 laman web dan 197 laman sosial turut dipantau, disiasat dan diambil tindakan kerana didapati menjual produk farmaseutikal tidak berdaftar, dicampur racun dan juga kosmetik tidak bernetifikasi, katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 7 SEPTEMBER 2016 (RABU)

244 laman web ubat ragu disiasat

Putrajaya: Bertindak atas ancaman penjualan ubat yang diragui kesahihannya secara dalam talian, sebanyak 244 laman web dan 197 laman sosial di negara ini dipantau, disiasat dan diambil tindakan, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, tindakan itu diambil kerana didapati laman web dan laman sosial berkenaan menjual produk farmaseutikal yang tidak berdaftar, dicampur racun dan juga kosmetik tidak bernotifikasi.

Senarai laman web dan media sosial yang diambil tindakan itu akan dimajukan kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia dan Facebook untuk tindakan penutupan, katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, kejayaan itu adalah hasil kerjasama Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Cybersecurity Malaysia yang turut berkaitan dengan satu operasi antarabangsa dijalankan bermula 30 Mei hingga 7 Jun lalu.

"Operasi Pangea IX yang diselenggarakan Interpol ini memberi tumpuan kepada laman web yang menawarkan ubat-ubatan berbahaya dan ini tindakan penguatkuasaan berasaskan Internet terbesar seumpamanya diadakan," katanya.

Jelasnya operasi itu disertai Malaysia melalui Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan 193 agensi penguatkuasaan lain dari 103 negara.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, aktiviti penguatkuasaan lain yang dijalankan di negara ini turut membabitkan serbuan dan pemeriksaan ke atas penjual dan premis perniagaan yang terbabit.

Katanya, pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara membabitkan pusat mel dan kurier, lapangan terbang, pos sempadan, terminal feri dan sebagainya.

"Sepanjang tempoh operasi ini, sebanyak



“
Operasi Pangea IX yang diselenggarakan Interpol ini memberi tumpuan kepada laman web yang menawarkan ubat-ubatan berbahaya dan ini tindakan penguatkuasaan berasaskan Internet terbesar seumpamanya diadakan”

Noor Hisham

26,949 bungkusan dan 266 premis diperiksa dengan nilai rampasan keseluruhan RM1.37 juta.

"Daripada jumlah itu 707 bungkusan pos dan kurier bernilai RM1.3 juta turut dirampas," katanya.

Katanya, antara produk utama dikesan dan dirampas adalah produk perangsang seks, pelangsing badan, ubat pengguguran, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun yang kebanyakannya tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

Dr Noor Hisham berkata, serbuan juga dijalankan ke atas 93 premis yang kebanyakannya menjual produk farmaseutikal secara dalam talian di seluruh negara.

Dalam serbuan itu, katanya 1,228 produk farmaseutikal yang menyalahi peruntukan undang-undang dirampas untuk tindakan lanjut.

"Nilai rampasan dianggarkan RM2.14 juta," katanya.

Katanya Bahagian Penguatkuasa Farmasi juga bakal membangunkan Makmal Forensik Siber bagi mengembangkan lagi aktiviti siasatan siber yang dilakukan pasukan siber farmasi. -BERNAMA

Perlu perubahan kompleks pada polisi, dasar jabatan

Tak sesuai kerja 6 jam

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 SEPT.

PARA pegawai kerajaan wanita menyifatkan pelaksanaan sistem waktu bekerja selama enam jam sehari bagi penjawat awam terutamanya wanita belum sesuai dilaksanakan kerana melibatkan skop atau bidang kerja yang berbeza-beza dan urusan kerja yang semakin bertambah.


Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, pengurangan waktu tersebut memerlukan satu perubahan yang sangat kompleks pada polisi dan dasar jabatan dan ini memerlukan satu kajian yang sangat komprehensif serta menyeluruh bagi membolehkan waktu bekerja lapan jam tersebut dapat dikurangkan.

"Pengurangan waktu ini mungkin bukan perkara baharu dan tidak mustahil untuk dilaksanakan, tinggal lagi ia melibatkan satu perubahan yang sangat besar.

"Kesannya tidak sahaja melibatkan pegawai dan kakitangan kerajaan malah terhadap orang ramai sebagai pelanggan. Kita kena belajar dahulu dari mana-mana negara yang melaksanakannya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai cadangan kerajaan untuk mengkaji pelaksanaan sistem waktu bekerja selama enam jam sehari bagi penjawat awam di negara ini sebagaimana yang dicadangkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr. Hayati Abdullah pula berkata, orang ramai masih menumpukan khidmat kaunter jabatan-jabatan kerajaan bagi menyelesaikan pelbagai urusan walaupun terdapat banyak



CHE GAYAH ISMAIL



DR. HAYATI ABDULLAH



ADILAH SHEK OMAR

Pengurangan tersebut memerlukan satu perubahan yang sangat kompleks pada polisi dan dasar jabatan dan ini memerlukan satu kajian yang sangat komprehensif serta menyeluruh bagi membolehkan waktu bekerja lapan jam tersebut dapat dikurangkan."

CHE GAYAH ISMAIL
Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi

perkhidmatan dalam talian.

"Namun secara peribadi, lapan jam yang ada sekarang sebenarnya tidak mencukupi untuk menyelesaikan pelbagai urusan kerja apatah lagi melibatkan tugas-tugas turun padang yang tidak mengira masa dan keadaan.

"Ditambah lagi kita perlu menghadiri mesyuarat yang makan masa hampir sehari dari waktu pagi, jadi tempoh kerja untuk tujuan pelaksanaan terpaksa dilanjutkan sehingga lepas habis waktu kerja malah sehingga ke malam," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Strategik), Jabatan Penyiaran Malaysia, Datuk Adilah Shek Omar berkata, sebenarnya beban tugas semakin bertambah dalam memenuhi pelbagai urusan perkhidmatan jabatan yang ditawarkan kepada para pelanggan.

"Ini menyebabkan akan ada pekerja terpaksa membawa pulang kerja-kerja untuk diselesaikan di rumah atau semakin bertambahnya jumlah masa mereka melakukan kerja-kerja lebih masa di pejabat.

"Bagi saya lapan jam yang ada sudah elok walaupun saya memahami enam jam bekerja sehari sememangnya waktu kerja yang sangat ideal terutamanya kepada mereka yang masih mempunyai anak yang masih kecil dan sangat menuntut perhatian dan jagaan daripada seorang ibu," katanya.

Menurutnya, kakitangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) seperti penerbit rancangan misalnya, terpaksa mengorbankan masa sehingga terpaksa pulang lewat kerana tuntutan kerja yang tidak membolehkan mereka pulang tepat pada masanya.

"Mungkin di jabatan lain ada yang sesuai dan boleh dilaksanakan pengurangan masa bekerja. Pada dasarnya semua pekerja inginkan enam jam untuk bekerja, namun ia sangat melibatkan soal produktiviti," katanya.